

26 JUL 2000

(EMBARGO: 27 JULAI/0001

AGONG HANTAR PERUTUSAN TAHNIAH KEPADA REPUBLIK BELARUS

KUALA LUMPUR, 26 Julai (Bernama) -- Yang di-Pertuan Agong Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah dan Raja Permaisuri Agong Tuanku Siti Aishah telah mengirim perutusan tahniah kepada Presiden Belarus, Alexander G. Lukashenko sempena ulangtahun negara itu esok.

"Kami juga berharap Tuan Yang Terutama sihat," kata Seri Paduka.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam perutusan yang sama kepada rakan sejawatannya Vladimir V. Yermoshin, berkata hubungan antara Malaysia dan Belarus sudah sememangnya kukuh sejak sekian lama.

"Saya yakin bahawa kerjasama baik itu tidak sahaja diteruskan malah ditingkatkan di bawah kepimpinan tuan," kata Dr Mahathir.

Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar juga menghantar perutusan yang sama kepada rakan sejawatannya, Ural Latypov.

-- BERNAMA

RZS AHH LAT